

Risiko yang berfaedah? Aktiviti

Bincangkan dalam kumpulan, bahaya-bahaya yang dihadapi oleh orang-orang yang tinggal di setiap lokasi yang diterangkan di dalam teks tersebut.

Berikan sebab-sebab mereka memilih untuk tinggal di kawasan-kawasan tersebut.

Berikan contoh kawasan-kawasan lain yang berhampiran dengan anda yang terdedah kepada bahaya bencana alam (negara, negeri, daerah, kampung), dan mengapa penduduk-penduduk masih tinggal di kawasan tersebut.

Berikan pendapat anda, bagaimana kita dapat membantu mereka?

Risiko yang berfaedah?

Calculated risk

- sumber pendapatan cth: tanah subur di kawasan sekitar gunung berapi untuk pertanian, punca air haiwan ternakan di kawasan banjir.

Gambling with disaster

- pendapat bahawa risiko yang diambil berbaloi dengan hasil yang diperolehi

Mount Macedon, Victoria

Mount Macedon di Macedon Ranges, terletak satu jam perjalanan daripada utara Melbourne. Bandar Bandar ini memiliki peninggalan sejarah Victoria dan juga kawasan-kawasan perumahan persendirian yang mewah. Ia memiliki pemandangan kampung yang indah dan menjadi lokasi menarik untuk pelancong dalam dan luar negara.

Kawasan bukit-bukau di Mount Macedon di kelilingi kawasan hutan yang seringkali terbakar di kala musim panas yang terik. Di masa lampau, hutan tersebut menjadi sumber kayu api dan pemprosesan papan. Kini, hutan tersebut sering terbakar dan dalam satu kejadian dalam tahun 1983, kebakaran hutan itu telah berlarutan selama 10 jam yang mengorbankan enam nyawa dan 628 buah rumah telah musnah.

Los Angeles, Amerika Syarikat

Los Angeles terletak di kawasan barat laut Amerika Syarikat merupakan bandaraya terbesar di California. Gaya hidup dan kemewahan di samping faktor cuaca, menjadikan Los Angeles begitu popular untuk didiami.

Namun begitu, bandaraya ini tidak terlepas daripada risiko bencana alam yang berpanjangan. Selain gempa bumi, Los Angeles terdedah kepada banjir, kebakaran hutan dan kemarau. Risiko bencana alam ini diburukkan lagi dengan kadar pencemaran alam dan jenayah yang sangat tinggi.

Rabaul, Papua New Guinea

Bandar Rabaul terletak di atas runtunan gunung berapi, dan masih di kelilingi oleh beberapa buah gunung berapi aktif yang berpotensi membahayakan penduduk di sekitarnya. Dalam tahun 1994, satu letupan gunung berapi yang besar telah berlaku, menyebabkan 30, 000 orang penduduk telah diarahkan berpindah meninggalkan bandar ini.

Bandar ini mempunyai sebuah pelabuhan laut dalam dan keindahan alam semulajadi yang menjadi tarikan pelancong yang sangat popular selain daripada kawasan tanah pertanian yang sangat subur, hasil daripada aktiviti gunung berapi.

Mexico City, Mexico

Ibu negara Mexico ini sesak dengan lebih 20 juta penduduk, berpunca daripada kadar perpindahan rakyat miskin luar bandar yang datang mencari kehidupan yang lebih selesa. Bandaraya ini berisiko tinggi terhadap bencana alam seperti gempa bumi dan dalam tahun 1985, gempa bumi di Mexico City mengorbankan 5000 nyawa dan mengakibatkan kemusnahan infrastruktur di tengah-tengah bandaraya ini. Selain gempa bumi, bandaraya ini juga terdedah kepada pelbagai bencana alam yang lain seperti tanah runtuh, banjir dan tanah jertus. Keadaan bandaraya yang sesak juga menyumbang kepada pencemaran air yang sangat serius.